

## WARGA UMK DIMINTA MEMPERKUKUHKAN PEMBANGUNAN FASA KEDUA UINVERSTITI



WARGA Universiti Malaysia Kelantan (UMK) perlu memberi komitmen dan kesungguhan serta berdaya saing membangunkan Universiti untuk menjadi antara Institusi Pengajian Tinggi terbaik di negara ini dan seterusnya berjaya memperoleh Tier 5 dalam Sistem Penarafan Disiplin Pengajian (D-SETARA).

Naib Canselor UMK, YBhg. Prof. Datuk Dr. Raduan bin Hj. Che Rose, berkata, pada tahun ini UMK telah menggariskan beberapa agenda utama bagi mengukur pencapaian dan kejayaan Universiti untuk menjadi penyumbang utama kepada sektor pengajian tinggi negara.

Jelas beliau, sebagai Universiti yang menerajui keusahawanan, UMK perlu memikul tanggungjawab ini untuk mempertingkatkan kecemerlangan dan kualiti universiti melalui beberapa aspek utama dalam meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran.

"Untuk itu, staf universiti perlu meningkatkan kecemerlangan dalam pengurusan institusi, program akademik dan penyelidikan, tenaga akademik, pelajar baharu dan graduan yang dihasilkan," katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapan sempena Majlis Amanat Tahun Baru Naib Canselor 2013, di Dewan Terbuka Keusahawanan, UMK Kampus Kota, Pengkalan Chepa, pada 31 Januari 2013.

Hadir sama, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), YBhg. Prof. Dr. Roselina binti Ahmad Saufi, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), YBhg. Prof. Madya Abdul Aziz bin Ab. Latif dan Pengarah UMK Kampus Jeli, YBhg. Prof. Dr. Ibrahim bin Che Omar.

Menurut Prof. Datuk Dr. Raduan, selain itu warga UMK juga diminta meningkatkan kecekapan dan kemahiran dalam bidang masing-masing dengan kata lain adalah bertujuan

untuk melahirkan pelajar berkualiti yang mampu bersaing bukan sahaja di dalam negara tetapi di peringkat antarabangsa.

Tegas beliau, universiti bersaing dengan memastikan peningkatan berterusan daripada segi kualiti setaraf dengan institusi pengajian lain untuk mendapat penarafan tahap lima atau cemerlang dalam D-SETARA.

Beliau berkata, mulai tahun ini D-SETARA telah diperkenalkan untuk program Kejuruteraan, Pelancongan dan Hospitaliti, Perubatan, Pergigian dan Farmasi serta Sains Kesihatan di peringkat Sarjana Muda.

“UMK harus memastikan program Pelancongan dan Hospitaliti yang kita tawarkan melalui Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan menepati kualiti kerana unsur penarafan D-SETARA menjadi penanda aras kepada pencapaian program pengajian dan pembelajaran kita,” jelasnya.



Sementara itu, Prof. Datuk Dr. Raduan memberitahu UMK telah mengambil beberapa pendekatan dengan menggariskan beberapa agenda utama untuk bersaing dan bukannya mengikut rentak institusi pengajian tinggi yang lain.

Beliau berkata, bagi tahun 2013 adalah fasa kedua yang sesuai untuk meningkatkan keupayaan dan pembangunan bagi memacu perkembangan UMK.

“Selain D-SETARA, dalam konteks MYRA juga akan dipertingkatkan melalui beberapa aspek seperti penyelidikan dimana kita telah mensasarkan untuk memperolehi lebih RM10 juta geran penyelidikan dalam negara pada tahun 2013.

“Pada tahun ini, saya juga berhasrat meneruskan agenda pembudayaan penyelidikan yang harus diterajui bersama dengan memberi fokus dan pendedahan penyelidikan secara berterusan kepada pensyarah,” ujarnya.

Dalam pada itu, Prof. Datuk Dr. Raduan percaya bahawa UMK mempunyai keupayaan yang sangat tinggi untuk meningkatkan keupayaan dan pencapaian dalam fasa kedua ini.

“Saya ingin melihat perubahan minda dalam kalangan warga UMK. Sebagai pengurusan tertinggi universiti saya akan beri segala keupayaan dan kemampuan yang ada untuk bersama-sama saudara-saudari sekalian dalam menjayakan agenda 2013,” katanya.







**Berita** : Syarimie Wosley / **Foto** : Azam Razi / **Hebahan** : [webmaster@umk.edu.my](mailto:webmaster@umk.edu.my)